

07/09/1998

Rakyat boleh bekerjasama: PM

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat pelbagai kaum di negara ini boleh bekerjasama serta mampu menghadapi sebarang masalah atau perselisihan faham dengan baik.

Justeru, kata Perdana Menteri, mereka perlu bersyukur kerana jika negara tidak tenteram dan selalu dilanda rusuhan atau pergaduhan, rakyat tidak dapat mencari pendapatan untuk diri dan keluarga mereka.

"Di negara aman seperti Malaysia ini, kita boleh hidup dengan senang lenang, boleh bekerja dan mendapat pendapatan sewajarnya daripada usaha kita," katanya berucap sebelum melepaskan 1,500 peserta Larian Duta anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan, hari ini.

Larian sejauh 2.8 kilometer yang disertai pemandu pengangkutan awam Lembah Klang serta keluarga mereka itu bermula dan berakhir di Hentian Duta, di sini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan timbalannya, Datuk Idris Jusoh.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, kerajaan terpaksa memberi sedikit tumpuan kepada Bumiputera supaya dapat menyertai semua bidang serta menikmati pendapatan setimpal.

"Kerana keadaan dalam negara kita ini ada sedikit masalah pendapatan kaum yang berbeza-beza, kerajaan memberi sedikit tumpuan kepada Bumiputera supaya mereka juga dapat menyertai dalam semua bidang.

"Dengan itu, mereka akan dapat pendapatan yang tidak terlalu kurang ataupun kadang-kadang sama, kadang-kadang lebih daripada kaum lain. Dan ini akan mengurangkan perasaan iri hati sesama kita dan dengan itu selamatlah dan amanlah negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu membuktikan kebolehan menganjur Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI sebagai kejohanan sukan yang berjaya.

Menurutnya, rakyat mesti membuktikan kebolehan mereka menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa itu, melayan peserta dan pelawat untuk membuktikan mereka adalah bangsa yang tahu menguruskan acara besar dengan jaya dan baik.

Rakyat asing yang datang ke negara ini untuk menyaksikan kejohanan itu akan membawa pulang kenangan manis dan seterusnya bercadang datang semula.

"Tiap kali mereka datang, pemandu bas, pemandu kereta sewa dapat juga sedikit sebanyak, negara pun dapat keuntungan, kita sama-sama dapat saham dalam apa juga hasil kerja kita ini.

"Baik kita yang berusaha, kerajaan, orang ramai, pekedai, hotel dan sebagainya, sama-sama kita bekerja, kita layan orang dan sama-sama dapat manfaat daripadanya," katanya.

Mengenai Hentian Duta, Perdana Menteri berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan serta mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terbabit dalam penyediaan kemudahan itu.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang menjayakan perhentian yang disediakan agak tergesa-gesa kerana menghadapi masalah penempatan teksi dan bas untuk orang ramai dan pelancong yang datang ke negara ini.

"Alhamdulillah, dengan sokongan pemandu kereta sewa dan bas, perhentian itu mencapai kejayaan.

"Saya yakin ia akan lebih berjaya apabila orang ramai sedar adanya perhentian ini," katanya.

Menurutnya, tinjauan menunjukkan kemudahan di perhentian itu lebih

selesa berbanding sesetengah tempat.
(END)